

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIEN KEEMPAT BELAS 2021

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

**SOALAN**

TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengawal harga caj komisen yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penghantar makanan seperti Grabfood yang mengenakan caj sehingga 30% kepada kedai-kedai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sedar dan mengambil maklum bahawa industri penghantaran makanan atau *p-hailing* ini telah mula menjadi satu keperluan utama kepada pengguna dan peniaga lebih-lebih lagi dalam tempoh pandemik Covid-19 ini.

Mengambil kira faktor industri *p-hailing* yang semakin berkembang, sebarang cadangan untuk mengawal kadar caj komisen ini secara dasarnya adalah lebih mencabar dan memerlukan kajian yang menyeluruh melibatkan pelbagai Kementerian lain yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah proaktif, Kementerian ini telahpun mengadakan beberapa sesi libat urus secara langsung bersama-sama dua (2) syarikat *p-hailing* utama di negara ini bagi membincangkan pelbagai isu termasuklah berkaitan kadar caj komisen yang dikenakan kepada vendor.

## SOALAN NO : 10

Susulan daripada sesi libat urus berkenaan, syarikat-syarikat berkenaan telah bersetuju untuk melihat semula secara keseluruhan pendekatan yang boleh diambil **supaya kadar caj komisen dapat dikurangkan dan insentif tambahan ditawarkan lebih banyak kepada peniaga kecil.**

Kementerian juga telah **merangka cadangan penambahbaikan dan penyelesaian isu-isu berkaitan perkhidmatan *p-hailing*** yang akan dikongsi bersama syarikat berkenaan supaya satu pelan atau model perniagaan yang lebih dinamik dapat dilaksanakan. Ini adalah termasuk **cadangan pengenalan caj komisen dan pakej yang lebih fleksibel kepada vendor** terutamanya dari kalangan peniaga kecil.

Pada masa yang sama, Kementerian sentiasa **menggalakan lebih banyak pemain industri baharu menyertai perkhidmatan *p-hailing*** supaya peniaga-peniaga kecil khususnya dapat mengambil peluang yang lebih baik dari segi promosi termasuklah caj komisen yang lebih rendah.

Segala usaha dan inisiatif khas yang diberikan oleh syarikat *p-hailing* ini secara keseluruhannya akan membantu vendor yang terkesan terutamanya dalam tempoh Covid-19 ini. Kementerian ini akan **sentiasa memastikan supaya vendor dan pengguna mendapat manfaat yang sewajarnya** daripada syarikat *p-hailing* dari semasa ke semasa.

Kementerian turut memberi **kerjasama yang berterusan dengan Agensi Kerajaan berkaitan** dalam mencari jalan penyelesaian termasuklah Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Sesi ini adalah amat penting supaya tindakan pengawalseliaan industri *p-hailing* ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang untuk mencapai ekosistem perdagangan yang lebih harmoni dan inklusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI  
[ IGAN ]**

**TARIKH : 7.10.2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah **TABIKA KEMAS** di Sarawak dan berapa jumlah yang perlu dibaik pulih segera dan sejauh mana tindakan Kementerian dalam memastikan **TABIKA KEMAS** ini sentiasa diselenggara dan dapat beroperasi dengan selamat dan kondusif. Dan daripada jumlah berkenaan berapa jumlah **TABIKA KEMAS** yang terlibat di kawasan Parlimen Igan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga September 2021, Sarawak mempunyai sebanyak 1,430 buah TABIKA di seluruh negeri. Daripada jumlah tersebut, Parlimen Igan mempunyai sebanyak 51 buah TABIKA yang sedang beroperasi. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 3 buah yang dikategorikan sebagai TABIKA Daif di Kawasan Parlimen Igan.

Pada tahun 2021 sebanyak 74 permohonan baikpulih dan naik taraf TABIKA telah diterima oleh KEMAS Negeri Sarawak dari semua kawasan Parlimen. Daripada jumlah tersebut, hanya 20 projek sahaja yang telah diluluskan dan sedang dilaksanakan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1.155 juta. Walau bagaimanapun, projek baikpulih tahun ini tidak melibatkan TABIKA di Parlimen Igan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2021 sebanyak empat (4) buah projek bina baru TABIKA KEMAS telah diluluskan di Sarawak.

Bagi memastikan TABIKA KEMAS ini sentiasa dapat diselenggara dan dapat beroperasi dengan selamat dan kondusif, Kementerian melalui KEMAS juga sentiasa memantau keadaan fizikal bangunan TABIKA melalui Pemantauan Pengurusan yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.